

## LAPORAN TINJAUAN KEBERKESANAN PROGRAM KOMUNITI DI HATI BAGI TAHUN 2023

---

### 1.0 TUJUAN

Tujuan pelaporan ini disediakan sebagai makluman kepada Ketua Pegawai Eksekutif berkenaan usaha ke arah mengenalpasti keberkesanan aktiviti Program Komuniti Di Hati 2023 yang dilaksanakan oleh Unit Pembangunan Wanita di bawah Bahagian Kekeluargaan mengenai inisiatif dan anjuran program.

### 2.0 PENGENALAN

- 2.1 Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim mengambil inisiatif berbeza dalam usaha membantu golongan wanita yang terkesan ini dengan mencadangkan pelaksanaan Projek Komuniti Di Hati di mana program ini akan memberi fokus dengan membuka peluang perniagaan dalam bidang masakan kepada golongan ibu tunggal bagi tujuan peningkatan pendapatan bulanan mereka. Selain itu, projek ini juga diharapkan dapat meringankan beban golongan sasaran dalam menyara keluarga.
- 2.2 Projek Komuniti Di Hati merupakan serampang dua mata di mana projek ini memberi fokus kepada peranan dan tanggungjawab sosial serta kerja-kerja sukarelawan dan kebajikan komuniti setempat. Masakan-masakan yang disediakan oleh ibu tunggal tersebut akan diagihkan kepada golongan sasaran di kalangan golongan asnaf, e-kasih, fakir miskin dan yang memerlukan.
- 2.3 Projek ini mensasarkan kepada seramai **135 penyertaan ibu tunggal** bagi mengendalikan projek, dan seramai **54,700 pax penerima manfaat** di kalangan komuniti setempat dalam projek rintis ini.

### 3.0 OBJEKTIF KAJIAN

- 3.1 Melihat keberkesanan program yang dilaksanakan untuk memastikan objektif tercapai.
- 3.2 Mendapatkan maklum balas peserta responden bagi Program Komuniti Di Hati bagi tahun 2023.

### 4.0 METODOLOGI KAJIAN

#### 4.1 Borang Soal Selidik Tinjauan Keberkesanan Program

Jumlah keseluruhan penerima manfaat adalah seramai 54,700 yang terdiri daripada miskin tegar, miskin, asnaf serta keluarga kurang berkemampuan (B40). Manakala peserta tukang masak pula adalah 135 orang di 7 lokaliti yang terpilih.

Sehubungan dengan itu, merujuk kepada Krejcie & Morgan, " *Determining Sample size for Research Activities*", *Educational and Psychological Measurement*, 1970, saiz sample boleh ditentukan dengan menggunakan prosedur pengiraan daripada saiz populasi dengan mengambil kira ralat persampelan. Berikut adalah jumlah responden mengikut daerah:

Bilangan Responden		Kaedah	Lokaliti
Daerah	Jumlah		
Johor Bahru	189	Edaran borang	Blok B, PPR Larkin
	189		Surau Nurul Falah, Taman Sri Stulang
Batu Pahat	189		Kg. Lubok Darat
Kluang	169		Kg. Sungai Linau
Kota Tinggi	185		Kg. Paya Layang- Layang
Pontian	186		Kg. Tg. Sedili
Kulai	178		Masjid Jamek Sg. Durian
	178		Flat Cengal, Taman Putri
	178		Flat Temenggong, Bandar Indahpura
<b>Jumlah</b>	<b>1,641</b>		

Borang soal selidik turut direka mengikut keperluan responden dimana terdapat dua (2) borang khusus iaitu untuk peserta memasak dan penerima bantuan. Tujuannya adalah untuk menilai keberkesanan berdasarkan tahap bantuan yang diterima agar penyelidik dapat mengenalpasti perbezaan dapatan menerusi dua (2) kelompok tersebut.

#### 4.2 Kajian Secara Temu Bual Bersemuka

Pengumpulan data melalui kaedah ini dibuat secara temu bual bersemuka bersama peserta memasak dalam kategori ibu tunggal dan penerima bantuan makanan seramai 54 orang sebagaimana berikut:

Daerah	Jumlah (orang)
Johor Bahru	10
Batu Pahat	6
Kluang	6
Kota Tinggi	7
Pontian	7
Kulai	18
<b>Jumlah</b>	<b>54</b>

#### 4.3 Hasil Kajian

Maklumat yang dikumpul melalui borang soal selidik, pemerhatian, dan temubual akan dianalisis bertujuan untuk mencapai matlamat dan objektif kajian. Hasil daripada analisis maklumat yang diperolehi akan dirumuskan untuk mendapatkan kesimpulan bagi Kajian Tinjauan Keberkesanan Program Komuniti Di Hati 2023.



## 5.0 DAPATAN KAJIAN

Hasil yang didapati daripada analisis kajian yang dipanggil data deskriptif daripada SPSS ini juga hampir tepat dan data yang dipilih adalah secara rawak mengikut 7 lokaliti yang terdapat di Johor. Seterusnya, data yang telah dikumpulkan daripada responden yang diwakili oleh kelompok penerima bantuan makanan dan peserta tukang masak akan dianalisis secara lebih terperinci. Jumlah keseluruhan responden adalah seramai 1,641 orang yang terlibat secara langsung telah mengembalikan semula borang soal selidik yang mana mereka ini adalah terdiri daripada miskin tegar, miskin, asnaf serta keluarga kurang berkemampuan (B40).

Seterusnya dapatan deskriptif akan dihuraikan dalam 4 bahagian utama iaitu yang pertama adalah bahagian maklumat diri responden yang merangkumi Jantina, Status, Pekerjaan, Daerah, Tempat Tinggal, Bantuan dari Kerajaan serta Purata Pendapatan Bulanan. Kedua, dapatan deskriptif dianalisis untuk mendapatkan maklum balas mengenai Reaksi Terhadap Program Komuniti Di Hati. Ketiga, analisis deskriptif ini akan dihuraikan dari segi Pembelajaran Daripada Program Komuniti Di Hati. Keempat analisis deskriptif ini akan dihuraikan mengenai Impak Daripada Program Komuniti Di hati.

Selain itu, dapatan deskriptif ini akan dibentangkan dengan meringkaskan data kepada dua bentuk iaitu nilai kekerapan dan peratusan.

### 5.1 JADUAL 1 : MAKLUMAT DIRI

Jantina	Lelaki	577
	Perempuan	1,064
	<b>Jumlah</b>	<b>1,641</b>
Status	Bujang	214
	Berkahwin	784
	Berceraai	528
	Lain-Lain	115
	<b>Jumlah</b>	<b>1,641</b>
Umur	21 tahun ke bawah	Tiada
	22– 30 Tahun	296
	31 – 40 Tahun	665
	41 – 50 Tahun	421
	50 Tahun Ke Atas	259
	<b>Jumlah</b>	<b>1,641</b>
Bangsa	Melayu	1,617
	Cina	9

	India	15
	Lain-Lain	Tiada
	<b>Jumlah</b>	<b>1,641</b>
Tempat Tinggal	Bandar	912
	Luar Bandar	729
	<b>Jumlah</b>	<b>1,641</b>
Daerah	Johor Bahru	378
	Batu Pahat	189
	Kluang	169
	Pontian	186
	Kota Tinggi	185
	Kulai	534
	<b>Jumlah</b>	<b>1,641</b>
Pekerjaan	Bekerja Sendiri	362
	Bekerja Tetap	440
	Bekerja Sambilan	358
	Bersara	179
	Tidak Bekerja	302
	<b>Jumlah</b>	<b>1,641</b>
Jumlah ahli keluarga dan tanggungan sekiranya ada	1	54
	2	101
	3	125
	4	418
	5	425
	6	257
	7	125
	8	98
	9	26
	10 dan ke atas	8
	Tiada	4
	<b>Jumlah</b>	<b>1,641</b>
Bantuan Hidup Keluarga	Zakat	382
	Bantuan Sara Hidup	594

	Rebet Bil Elektrik (RM40)	135
	E-Kasih	290
	Bantuan Awal Persekolahan	126
	Bantuan Khas Covid -19	6
	Tiada	108
	<b>Jumlah</b>	<b>1,641</b>

Jadual 1 menunjukkan kekerapan dan peratusan mengikut jantina yang mana responden di kalangan lelaki adalah seramai 577 (39%) manakala responden dalam kalangan perempuan pula sebanyak 1,064 (64%). Bagi pecahan status pula, responden yang berkahwin mewakili sebanyak 784 (47%), diikuti oleh responden yang bercerai iaitu 528 (32%). Responden di kalangan bujang juga turut serta mengisi borang soal selidik iaitu 214 orang (13%). Manakala jumlah responden yang paling sedikit adalah kategori lain- lain iaitu sebanyak 259 orang (15.7%).

Jadual 1 juga menunjukkan taburan dan peratusan responden mengikut julat umur yang telah diberi borang soal selidik. Daripada jadual tersebut, responden yang paling tinggi dalam kajian ini adalah daripada julat umur 31 – 40 iaitu sebanyak 665 orang (40%) dan diikuti pula oleh julat umur 41 – 50 iaitu sebanyak 421 orang (25%). Bagi umur 22– 30 pula, jumlah responden yang menyertai soal selidik ini adalah sebanyak 296 (18%). Manakala jumlah responden yang mempunyai julat umur 50 tahun ke atas adalah paling sedikit dalam kajian ini iaitu sebanyak 163 (11%) sahaja.

Majoriti yang mengisi borang soal selidik adalah terdiri daripada bangsa Melayu iaitu sebanyak 1,617 (98%) diikuti dengan bangsa India sebanyak 15 orang (1%) dan yang paling sedikit adalah bangsa Cina iaitu sebanyak 9 orang (0.6%). Bagi pecahan daerah pula, Johor Bahru mempunyai 2 lokaliti iaitu di PPR Sri Stulang dan Flat Larkin yang mempunyai jumlah responden seramai 378 orang (25%). Manakala daerah Kulai pula mempunyai jumlah responden yang teramai iaitu sebanyak 534 orang (36%) yang mana Kulai mempunyai 3 lokaliti iaitu Flat Temenggong, Flat Cengal Taman Puteri dan PPR Bandar Putra. Bagi daerah Batu Pahat pula jumlah responden adalah seramai 189 (1.2%) yang bertempat di Kampung Lubuk Darat. Selain itu, daerah Kluang turut menyertai program ini pada tahun 2023 dengan menyediakan 2 lokaliti iaitu Kg. Sungai Linau dan Kg. Paya Layang- Layang seramai 169 (10%) responden. Manakala bagi daerah Pontian, 186 orang dan Kota Tinggi, 185 masing- masing mempunyai jumlah peratusan yang sama iaitu 11% daripada jumlah keseluruhan.

Bagi jenis- jenis pekerjaan pula, Jadual 1 menunjukkan kategori bekerja tetap mempunyai kekerapan yang paling tinggi iaitu 440 (26%) diikuti dengan bekerja sendiri sebanyak 362 (22%). Selain itu, kategori bekerja sambilan juga mempunyai data yang tinggi iaitu 358 (21%). Manakala responden yang tidak bekerja adalah sebanyak 302 (18%) diikuti dengan kategori bersara iaitu seramai 179 (10%).



Bagi kekerapan jumlah ahli keluarga dan tanggungan menunjukkan bilangan yang paling ramai adalah yang mempunyai 5 orang ahli keluarga sebanyak 425 (25%). Diikuti dengan responden yang mempunyai bilangan ahli keluarga 4 orang iaitu 418 (25%). Manakala reponden yang mempunyai bilangan ahli keluarga seramai 6 orang adalah sebanyak 257 (15%). Selain itu responden yang mempunyai 3 orang ahli keluarga dan tanggungan adalah sebanyak 125 orang (7.6%) diikuti dengan jumlah ahli keluarga dan tanggungan seramai 2 orang iaitu sebanyak 101 orang (6%). Jumlah ahli keluarga dan tanggungan yang mempunyai ahli seramai 10 orang adalah sebanyak 8 responden (0.4%), diikuti dengan 1 ahli keluarga sebanyak 54 orang (3.2%) dan yang paling sedikit adalah yang tidak mempunyai ahli keluarga dan tanggungan iaitu sebanyak 4 responden (0.2%).

Terdapat tujuh (7) kategori bantuan dari kerajaan dalam kajian ini iaitu bantuan Zakat, Bantuan Sara Hidup, Rebat Bil Elektrik (RM40), Bantuan E-Kasih, Bantuan Awal Persekolahan, Bantuan Khas Covid-19 serta lain- lain bantuan. Merujuk jadual 1 di atas, responden yang tidak mendapat apa-apa bantuan daripada kerajaan, peratusan menunjukkan sebanyak 15% atau 221 orang. Responden yang mendapat bantuan dana kerajaan adalah paling tinggi adalah bantuan sara hidup iaitu sebanyak 594 (40%). Ini diikuti pula responden yang menerima bantuan zakat iaitu 382 orang (23%). Responden yang menerima bantuan Rebet Bil Elektrik (RM40) adalah sebanyak 135 orang (9.1%). Bantuan Awal Persekolahan sebanyak 126 orang (8.5%) dan bantuan e-Kasih adalah seramai 290 orang (6.1%).

## 5.2 JADUAL 2: PENDAPATAN (RM) PESERTA MEMASAK

Anggaran purata pendapatan bulanan (RM) sebelum dan selepas menerima bantuan Projek Komuniti di Hati					
Pendapatan (RM)	Dulu/ sebelum	Peratus (%)	Kini/Selepas	Peratus (%)	Purata peningkatan
Tiada pendapatan	32	23.7%	40	29.6%	5.9%
Bawah RM500	37	27.4%	39	28.8%	1.4%
RM501- RM1,090	24	17.7%	30	22.2%	4.4%
RM1,091 – RM1,500	21	15.5%	12	8.8%	6.6%
RM1,501- RM2,000	21	15.5%	14	10.3%	5.1%
RM2,001 – RM2,500	0	0	0	0	0
RM2,5001- RM3,000	0	0	0	0	0
RM3,001- RM3,500	0	0	0	0	0
RM3,5001 – RM4,000	0	0	0	0	0
RM4,001- RMRM4,500	0	0	0	0	0
RM4,5001- RM5,000	0	0	0	0	0
RM5,000 ke atas	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>135</b>	<b>100</b>	<b>135</b>	<b>100</b>	<b>-</b>

### 5.3 RUMUSAN PENDAPATAN (RM) PESERTA

Dapatan kaji selidik menunjukkan adanya peningkatan pendapatan dalam kalangan responden walaupun majoriti daripada mereka tiada pendapatan. Menerusi program ini seramai 40 responden (29.6%) berjaya memperoleh pendapatan menerusi bayaran upah mengikut jumlah pax makanan yang disediakan secara tunai. Peserta memasak akan mendapat bayaran sebanyak RM250.00 setiap minggu bagi 50 pax makanan . Secara puratanya peserta memperoleh bayaran upah sebanyak **RM1,725.00** sepanjang program ini dijalankan sejak dari Mac sehingga Disember 2023 bagi membantu responden menjana pendapatan sepanjang program ini berlangsung.

Responden yang mempunyai pendapatan bulanan bawah RM500 berjaya meningkatkan pendapatan kepada 1.4% daripada pendapatan asal. Ini dibuktikan apabila sebanyak 39 orang (28.8%) daripada peserta program berjaya meningkatkan pendapatan dan berwawasan untuk memajukan diri menjana pendapatan dengan meneruskan aktiviti pemiagaan dalam bidang makanan. Selain itu, responden yang berpendapatan RM501- RM1,090 juga memperoleh peningkatan pendapatan sebanyak 4.4% sepanjang menyertai program ini.



**5.4 JADUAL 3: REAKSI TERHADAP PROGRAM KOMUNITI DI HATI  
(PESERTA MEMASAK)**

Bil.	Soalan	Skala	Kekerapan
1.	Saya gembira dengan adanya penganjuran Program Komuniti Di Hati ini.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	42
		Sangat Setuju	93
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>
2.	Saya beruntung menjadi tukang masak dalam Program Komuniti Di Hati ini	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	9
		Sangat Setuju	126
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>
3.	Saya merupakan individu yang benar-benar layak menjadi tukang masak dalam Program Komuniti Di Hati ini.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	5
		Setuju	55
		Sangat Setuju	75
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>
4.	Jumlah kekerapan saya diupah sebagai tukang masak dalam menyediakan makanan bagi Program Komuniti Di Hati ini adalah bersesuaian.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	42
		Sangat Setuju	93
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>
5.	Pengurusan pengagihan bantuan makanan telah dijalankan secara teratur.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	23
		Sangat Setuju	112
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>

6.	Tempoh masa saya diupah sebagai tukang masak dalam menyediakan makanan dalam Program Komuniti Di Hati ini adalah memadai.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	98
		Sangat Setuju	37
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>
7.	Tempat saya menyediakan makanan dalam Program Komuniti Di Hati ini adalah bersesuaian.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	15
		Setuju	36
		Sangat Setuju	84
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>
8.	Maklumat penyertaan sebagai tukang masak dalam Program Komuniti Di Hati ini turut diketahui oleh komuniti saya.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	8
		Setuju	65
		Sangat Setuju	62
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>
9.	Penyertaan saya sebagai tukang masak dalam Program Komuniti Di Hati ini dapat mengurangkan beban saya sekeluarga.	Sangat Tidak Setuju	1
		Tidak Setuju	1
		Kurang Setuju	11
		Setuju	24
		Sangat Setuju	98
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>
10.	Penyertaan saya sebagai tukang masak dalam Program Komuniti Di Hati ini diterima ketika saya sekeluarga sangat memerlukannya.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	5
		Sangat Setuju	130
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>
11.	Penyertaan saya sebagai tukang masak dalam Program Komuniti Di Hati ini dapat mengurangkan rasa bimbang keluarga	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	21

	saya untuk meningkatkan pendapatan bulanan.	Setuju	65
		Sangat Setuju	49
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>
12.	Penyertaan saya sebagai tukang masak dalam Program Komuniti Di Hati ini dapat membantu mengurangkan kos sara hidup saya.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	30
		Sangat Setuju	105
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>
13.	Penyertaan saya sebagai tukang masak dalam Program Komuniti Di Hati ini telah dapat mengubah kehidupan saya sekeluarga ke arah lebih baik.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	14
		Sangat Setuju	121
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>

#### 5.4.1 RUMUSAN JADUAL 3: REAKSI TERHADAP PROGRAM KOMUNITI DI HATI

Secara keseluruhannya responden bersetuju dengan item- item soalan di bahagian 2: Reaksi Terhadap Program Komuniti Di Hati. Namun begitu, terdapat tiga (3) item soalan yang mendapat maklum balas tidak dan kurang setuju daripada responden. Bagi soalan pertama iaitu "*Tempat saya menyediakan makanan dalam Program Komuniti Di Hati ini adalah bersesuaian*". Seramai 15 (11%) responden dikalangan peserta memasak menyatakan kurang setuju, manakala sebanyak 36 (26.6%) responden bersetuju dan 84 (62%) adalah sangat setuju kenyataan berikut.

Soalan kedua yang mendapat maklum balas tidak setuju adalah "*Maklumat penyertaan sebagai tukang masak dalam Program Komuniti Di Hati ini turut diketahui oleh komuniti saya*" sebanyak 5.9% iaitu 8 orang mendapat respon kurang setuju, manakala seramai 65 (48%) orang bersetuju dan 62 orang (45%) sangat setuju.

Selain itu, bagi soalan ketiga yang mendapat reaksi kurang setuju adalah "*Penyertaan saya sebagai tukang masak dalam Program Komuniti Di Hati ini dapat mengurangkan beban saya sekeluarga*". Menerusi item ini sebanyak 1 orang (0.7%) memilih utk sangat tidak setuju, 1 orang (0.7%) memilih tidak



setuju, 11 orang (8.1%) adalah kurang setuju manakala 24 orang (17%) setuju dan 98 orang sangat setuju.

**5.5 JADUAL 4: PEMBELAJARAN DARIPADA KOMUNITI DIHATI  
(PESERTA MEMASAK)**

Bil.	Soalan	Skala	Kekerapan
1.	Setelah menyertai Program Komuniti Di Hati, kemahiran memasak saya telah meningkat.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	52
		Sangat Setuju	83
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>
2.	Setelah menyertai Program Komuniti Di Hati, saya mempunyai keyakinan dalam melibatkan diri dalam kerjaya berkaitan bidang masakan.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	10
		Sangat Setuju	125
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>
3.	Setelah menyertai Program Komuniti Di Hati, saya lebih bersemangat dalam melibatkan diri dalam kerjaya berkaitan masakan.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	10
		Sangat Setuju	125
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>
4.	Setelah menyertai Program Komuniti Di Hati, saya bermotivasi untuk menambah pengetahuan bagi pembangunan diri sendiri.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	10
		Sangat Setuju	125
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>
5.	Setelah menyertai Program Komuniti Di Hati, saya lebih jelas tentang hala tuju dalam kerjaya berkaitan masakan di masa	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	16

	hadapan.	Setuju	23
		Sangat Setuju	96
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>
6.	Setelah menyertai Program Komuniti Di Hati, saya berazam agar berusaha untuk menambahbaik kualiti kerja saya.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	10
		Sangat Setuju	125
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>
7.	Setelah menyertai Program Komuniti Di Hati, saya berkeyakinan bahawa pihak kerajaan berperanan besar dalam membantu saya dengan membuka peluang perniagaan.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	1
		Kurang Setuju	18
		Setuju	29
		Sangat Setuju	87
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>
8.	Setelah menyertai Program Komuniti Di Hati, saya memahami bahawa saya bertanggungjawab membantu meringankan beban golongan yang memerlukan.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	62
		Sangat Setuju	73
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>

### 5.5.1 RUMUSAN PEMBELAJARAN DARIPADA KOMUNITI DIHATI

Merujuk kepada Jadual 4 diatas menunjukkan seramai 83 responden (61%) sangat setuju bahawa program ini dapat meningkatkan kemahiran memasak, manakala selebihnya 52 orang (38%) bersetuju kenyataan berikut. Selain itu, program ini turut dapat meningkatkan keyakinan dalam pembangunan kerjaya berkaitan bidang masakan kepada peserta iaitu sebanyak 92% responden yang bersetuju kenyataan tersebut. Daripada sudut motivasi pula, sebanyak 125 (92%) bersetuju manakala selebihnya 10 orang (7.4%) bersetuju bahawa mereka bermotivasi untuk menambah pengetahuan bagi pembangunan diri sendiri.

Sehubungan dengan itu, secara keseluruhannya peserta mendapati melalui program ini mereka jelas hala tuju terutamanya dalam bidang perniagaan makanan serta kemahiran memasak juga meningkat terutamanya bagi menu yang mempunyai saiz yang besar. Selain daripada itu, peserta juga gembira

kerana selain mendapat upah, mereka turut dapat membantu komuniti meringankan beban kos makanan sepanjang program ini berlangsung.

**5.6 JADUAL 5: IMPAK DARIPADA PROGRAM KOMUNITI DI HATI (PESERTA MEMASAK)**

Bil.	Soalan	Skala	Kekerapan
1.	Setelah menyertai Program Komuniti Di Hati ini, saya memperoleh pendapatan yang lebih berbanding sebelumnya.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	42
		Sangat Setuju	93
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>
2.	Setelah menyertai Program Komuniti Di Hati ini, beban perbelanjaan harian saya dapat dikurangkan.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	34
		Sangat Setuju	101
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>
3.	Setelah menyertai Program Komuniti Di Hati ini, saya dapat membuat tabungan.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	67
		Setuju	43
		Sangat Setuju	25
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>
4.	Setelah menyertai Program Komuniti Di Hati ini, saya dapat mengurus hutang dengan lebih baik.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	43
		Sangat Setuju	92
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>
5.	Setelah menyertai Program Komuniti Di Hati ini, kehidupan saya lebih tenang.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0



		Setuju	67
		Sangat Setuju	68
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>
6.	Setelah menyertai Program Komuniti Di Hati ini, kehidupan saya lebih bahagia.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	67
		Sangat Setuju	68
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>
7.	Setelah menyertai Program Komuniti Di Hati ini, saya berasa lebih bersemangat menjalani kehidupan.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	67
		Sangat Setuju	68
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>
8.	Setelah menyertai Program Komuniti Di Hati ini, saya berasa kurang tertekan.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	67
		Sangat Setuju	68
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>
9.	Setelah menyertai Program Komuniti Di Hati ini, kesihatan keluarga saya lebih terjamin.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	67
		Sangat Setuju	68
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>
10.	Setelah menyertai Program Komuniti Di Hati ini, semangat kesukarelawanan saya telah meningkat.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	67
		Sangat Setuju	68
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>

11.	Setelah menyertai Program Komuniti Di Hati ini, hubungan kemasyarakatan saya dengan ahli komuniti setempat adalah lebih rapat.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	67
		Sangat Setuju	68
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>
12.	Setelah menyertai Program Komuniti Di Hati ini, kebergantungan saya kepada Pencipta lebih meningkat.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	67
		Sangat Setuju	68
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>
13.	Setelah menyertai Program Komuniti Di Hati ini, saya lebih bersemangat dalam melaksanakan ibadah yang dituntut oleh agama.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	67
		Sangat Setuju	68
		<b>Jumlah</b>	<b>135</b>

### 5.6.1 RUMUSAN IMPAK DARIPADA PROGRAM KOMUNITI DI HATI

Berdasarkan Jadual 5 mendapati responden yang terdiri daripada peserta memasak mendapat impak yang baik apabila terlibat dalam program ini. Terdapat tiga (3) jenis soalan bagi mengenalpasti impak peserta memasak iaitu dari sudut pengurusan perbelanjaan, pengurusan emosi dan kerohanian. Bagi menjawab soalan yang berkaitan perbelanjaan, hampir kesemua responden bersetuju bahawa program ini dapat mengurangkan tanggungan perbelanjaan harian terutamanya kos makanan iaitu sebanyak 93 orang (68%) sangat bersetuju manakala 42 orang (31.1%) bersetuju bahawa perbelanjaan harian dapat dikurangkan.

Selain itu, wang upah yang diperolehi dapat mengurus hutang dengan lebih baik apabila lebih wang yang ada digunakan untuk menyelesaikan hutang yang sedia ada. Oleh yang demikian sebanyak 92 orang (68%) sangat bersetuju manakala 43 orang (31%) bersetuju. Namun, sebanyak 67 orang (49%) kurang bersetuju pada soalan yang berkaitan tabungan, manakala sebanyak 43 orang (31%) setuju dan 25 orang (18%) sangat setuju bahawa mereka dapat membuat tabungan hasil daripada upah yang diperolehi.

Berkenaan pengurusan emosi, kebanyakan responden bersetuju bahawa kehidupan mereka lebih tenang dan lebih bahagia disebabkan masalah kewangan dapat diatasi sepanjang program ini berlangsung. Oleh yang demikian, sebanyak 68 orang responden (50%) sangat bersetuju dan 67 orang (49%) setuju bahawa mereka lebih bersemangat menjalani kehidupan dan berasa kurang tertekan. Sehubungan dengan itu, kesihatan keluarga dan diri responden lebih terjamin sekaligus mengeratkan hubungan kemasyarakatan dengan ahli komuniti.

Dapatan soalan berkenaan kerohanian juga mendapat jumlah kekerapan sangat setuju yang tinggi iaitu sebanyak 68 orang responden (50%) sangat bersetuju dan 67 orang (49%) setuju bahawa kebergantungan kepada pencipta meningkat. Manakala responden juga lebih bersemangat dalam melaksanakan ibadah yang dituntut oleh agama.

#### 5.7 JADUAL 6: ANGGARAN PENDAPATAN BULANAN (RM) PESERTA MEMASAK

	<b>Pendapatan (RM)</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
1.	Tiada pendapatan	32	23.7%
2.	Bawah RM500	37	27.4%
3.	RM501 - RM1,090	24	17.7%
4.	RM1,091 - RM1,500	21	15.5%
5.	RM1,501 - RM2,000	0	0
6.	RM2,001 - RM2,500	0	0
7.	RM2,501 - RM3,000	0	0
8.	RM3,001 - RM3,500	0	0
9.	RM3,501 - RM4,000	0	0
10.	RM4,001 - RM4,500	0	0
11.	RM4,501 - RM5,000	0	0
12.	RM5,001 ke atas	0	0
	<b>Jumlah</b>	<b>135</b>	<b>100%</b>

Merujuk kepada Jadual 6 menunjukkan bahawa seramai 37 orang (27.4%) responden mempunyai pendapatan bawah RM500.00. Manakala seramai 32 orang (23.7%) tiada pendapatan. Lain- lain adalah 24 orang (17.7%) bagi pendapatan RM501-RM1,090.00 dan 21 orang (15.5%) bagi pendapatan bulanan sebanyak RM1,091 - RM1,500. Sehubungan dengan itu, peserta yang terlibat memperoleh pendapatan tambahan sepanjang program ini dijalankan.



**5.8 JADUAL 7: JUMLAH BANTUAN MAKANAN YANG DITERIMA SEPANJANG TAHUN 2023 (PENERIMA BANTUAN)**

	<b>Kekerapan Bantuan Makanan</b>	<b>Bilangan (org)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
1.	1 kali	215	13%
2.	2 kali	273	16%
3.	3 kali	621	37%
4.	Lebih 4 kali	532	32%
	<b>Jumlah</b>	<b>1,641</b>	<b>100%</b>

Merujuk kepada Jadual 7 mendapati seramai 621 (37%) responden menerima bantuan makanan siap sebanyak 3 kali sepanjang program ini dijalankan. Manakala sebanyak 532 (32%) menerima bantuan makanan lebih 4 kali. Ini juga sejajar dengan usaha Kerajaan Negeri Johor membasmi kemiskinan tegar di Negeri Johor menjelang 2025 di mana inisiatif ini diletakkan di bawah Teras Tiga, Jaringan Keselamatan Sosial, melalui Inisiatif 1 : Membasmi Kemiskinan dalam Belanjawan Johor 2023.

**5.9 JADUAL 8: BENTUK BANTUAN YANG LEBIH DIPERLUKAN PADA KETIKA INI**

	<b>Bentuk Bantuan</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
1.	Bantuan wang tunai	848	51%
2.	Bantuan keperluan asas	546	33%
3.	Bantuan makanan	224	13%
4.	Bantuan peralatan	23	1.4%
	<b>Jumlah</b>	<b>1,641</b>	<b>100%</b>

Berdasarkan Jadual 8 menunjukkan bahawa ramai di kalangan responden memilih bentuk bantuan wang tunai dengan jumlah 848 orang (51%). Menurut responden, bantuan wang tunai membolehkan mereka membelanjakan wang tersebut untuk membeli barangan keperluan asas. Selain itu, wang yang dibelanjakan itu akan merangsang ekonomi dengan peningkatan permintaan barangan dan perkhidmatan kerana masyarakat mampu untuk berbelanja.

Selain itu, terdapat juga responden memilih bantuan keperluan asas iaitu seramai 546 (33%) manakala bantuan berbentuk makanan adalah seramai 224 (13%) dan bantuan peralatan adalah sebanyak 1.4% sahaja. Oleh yang demikian, melalui dapatan ini menunjukkan bahawa masyarakat khususnya golongan B40 amat memerlukan bantuan berbentuk wang tunai selain daripada mereka dapat membeli barangan keperluan, bantuan tersebut juga boleh digunakan sebagai bayaran lain- lain untuk menampung kos kehidupan.

**5.10 JADUAL 9: REAKSI TERHADAP PROGRAM KOMUNITI DIHATI (PENERIMA BANTUAN)**

Bil.	Soalan	Skala	Kekerapan
1.	Saya gembira dengan adanya penganjuran Program Komuniti Di Hati ini.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	607
		Sangat Setuju	899
		<b>Jumlah</b>	<b>1,506</b>
2.	Saya beruntung menerima bantuan makanan ini.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	524
		Sangat Setuju	982
		<b>Jumlah</b>	<b>1,506</b>
3.	Saya merupakan individu yang benar-benar layak menerima bantuan makanan ini.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	336
		Sangat Setuju	1,170
		<b>Jumlah</b>	<b>1,506</b>
4.	Jumlah kekerapan pengagihan bantuan makanan kepada saya adalah mencukupi	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	6
		Setuju	694
		Sangat Setuju	806
		<b>Jumlah</b>	<b>1,506</b>
5.	Pengurusan pengagihan bantuan makanan telah dijalankan secara teratur.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	8
		Setuju	824
		Sangat Setuju	674
		<b>Jumlah</b>	<b>1,506</b>

6.	Tempoh masa pengagihan adalah memadai.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	13
		Setuju	727
		Sangat Setuju	766
		<b>Jumlah</b>	<b>1,506</b>
7.	Tempat pengagihan bantuan makanan adalah bersesuaian	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	920
		Sangat Setuju	586
		<b>Jumlah</b>	<b>1,506</b>
8.	Saya berpuas hati dengan sebaran tentang maklumat bantuan makanan ini.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	11
		Setuju	641
		Sangat Setuju	854
		<b>Jumlah</b>	<b>1,506</b>
9.	Penyaluran bantuan makanan ini dapat mengurangkan beban saya sekeluarga.	Sangat Tidak Setuju	1
		Tidak Setuju	1
		Kurang Setuju	7
		Setuju	846
		Sangat Setuju	651
		<b>Jumlah</b>	<b>1,506</b>
10.	Bantuan ini diterima ketika saya sekeluarga sangat memerlukannya.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	627
		Sangat Setuju	879
		<b>Jumlah</b>	<b>1,506</b>
11.	Pemberian bantuan makanan ini dapat mengurangkan rasa bimbang keluarga saya untuk mendapatkan sumber	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	1
		Kurang Setuju	4



	makanan.	Setuju	562
		Sangat Setuju	939
		<b>Jumlah</b>	<b>1,506</b>
12.	Penyaluran bantuan berbentuk makanan dapat membantu mengurangkan kos sara hidup saya.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	696
		Sangat Setuju	810
		<b>Jumlah</b>	<b>1,506</b>
13.	Projek bantuan makanan ini telah dapat mengubah kehidupan saya sekeluarga ke arah lebih baik.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	2
		Setuju	737
		Sangat Setuju	767
		<b>Jumlah</b>	<b>1,506</b>

#### 5.11 JADUAL 10: PEMBELAJARAN DARIPADA PROGRAM KOMUNITI DI HATI (PENERIMA BANTUAN)

Bil.	Soalan	Skala	Kekerapan
1.	Setelah menerima bantuan dalam Program Komuniti Di Hati, saya mempunyai keyakinan bahawa pihak kerajaan peduli tentang kebajikan saya.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	639
		Sangat Setuju	867
		<b>Jumlah</b>	<b>1,506</b>
2.	Setelah menerima bantuan dalam Program Komuniti Di Hati, saya mempunyai keyakinan bahawa masyarakat peduli tentang kebajikan saya.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	592
		Sangat Setuju	914
		<b>Jumlah</b>	<b>1,506</b>

3.	Setelah menerima bantuan dalam Program Komuniti Di Hati, saya lebih bermotivasi dalam mengubah nasib saya kepada yang lebih baik.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	921
		Sangat Setuju	585
		<b>Jumlah</b>	<b>1,506</b>
4.	Setelah menerima bantuan dalam Program Komuniti Di Hati, saya berkeyakinan bahawa pihak kerajaan berperanan besar dalam membantu mengubah nasib saya.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	5
		Setuju	873
		Sangat Setuju	628
		<b>Jumlah</b>	<b>1,506</b>

#### 5.12 JADUAL 11: IMPAK DARIPADA PROGRAM KOMUNITI DI HATI (PENERIMA BANTUAN)

Bil.	Soalan	Skala	Kekerapan
1.	Setelah menerima bantuan dalam Program Komuniti Di Hati, beban perbelanjaan harian saya dapat dikurangkan.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	2
		Setuju	801
		Sangat Setuju	703
		<b>Jumlah</b>	<b>1,506</b>
2.	Setelah menerima bantuan dalam Program Komuniti Di Hati, saya dapat membuat tabungan.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	23
		Setuju	799
		Sangat Setuju	684
		<b>Jumlah</b>	<b>1,506</b>
3.	Setelah menerima bantuan dalam Program Komuniti Di Hati, saya dapat mengurus hutang dengan lebih baik.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	6
		Setuju	725

		Sangat Setuju	775
		<b>Jumlah</b>	<b>1,506</b>
4.	Setelah menerima bantuan dalam Program Komuniti Di Hati, kehidupan saya lebih tenang.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	855
		Sangat Setuju	651
		<b>Jumlah</b>	<b>1,506</b>
5.	Setelah menerima bantuan dalam Program Komuniti Di Hati, kehidupan saya lebih bahagia.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	883
		Sangat Setuju	623
		<b>Jumlah</b>	<b>1,506</b>
6.	Setelah menerima bantuan dalam Program Komuniti Di Hati, saya berasa lebih bersemangat menjalani kehidupan.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	711
		Sangat Setuju	795
		<b>Jumlah</b>	<b>1,506</b>
7.	Setelah menerima bantuan dalam Program Komuniti Di Hati, saya berasa kurang tertekan.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	1
		Setuju	840
		Sangat Setuju	694
		<b>Jumlah</b>	<b>1,506</b>
8.	Setelah menerima bantuan dalam Program Komuniti Di Hati, kesihatan keluarga saya lebih terjamin.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	3
		Setuju	861
		Sangat Setuju	642
		<b>Jumlah</b>	<b>1,506</b>



9.	Setelah menerima bantuan dalam Program Komuniti Di Hati, hubungan kemasyarakatan saya dengan ahli komuniti setempat adalah lebih rapat.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	1
		Setuju	691
		Sangat Setuju	814
		<b>Jumlah</b>	<b>1,506</b>
10.	Setelah menerima bantuan dalam Program Komuniti Di Hati, kebergantungan saya kepada Pencipta lebih meningkat.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	287
		Sangat Setuju	1,219
		<b>Jumlah</b>	<b>1,506</b>
11.	Setelah menerima bantuan dalam Program Komuniti Di Hati, saya lebih bersemangat dalam melaksanakan ibadah yang dituntut oleh agama.	Sangat Tidak Setuju	0
		Tidak Setuju	0
		Kurang Setuju	0
		Setuju	287
		Sangat Setuju	1,219
		<b>Jumlah</b>	<b>1,506</b>

## 6.0 CADANGAN

Bahagian Dasar & Penyelidikan menyambut baik usaha yang telah dilakukan oleh Unit Pembangunan Wanita dibawah Bahagian Kekeluargaan serta Pegawai Tadbir di daerah dalam menjayakan Program Komuniti Di Hati yang memberi kesan positif kepada masyarakat setempat. Hasil daripada tinjauan yang telah dijalankan terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang wajar dipertimbangkan untuk pelaksanaan program antaranya adalah:

### 6.1 **Memperkasakan tinjauan terhadap keperluan komuniti sama ada projek tersebut sesuai dengan komuniti sasaran- (*Needs Assesment*).**

Dalam merencanakan sesuatu penganjuran program, pihak penganjur harus menitikberatkan beberapa aspek seperti pengurusan, pelaksanaan, pengendalian program dan termasuk juga sambutan. Hal ini kerana sambutan atau penerimaan awal daripada sasaran dapat membantu dan menjayakan lagi proses pelaksanaan sesuatu program.

### 6.2 **Mewujudkan peneraju komuniti (*local champions*) dalam kalangan komuniti sebagai usaha memperkasakan ekonomi dalam sesebuah komuniti.**

Memperkasakan komuniti semasa dengan memacu golongan yang terlibat (peserta memasak) melalui kursus- kursus efektif berasaskan pengalaman dan permintaan pasaran setempat agar golongan sasaran ini dapat menjana pendapatan dalam memastikan kelangsungan hidup dan kesiapsiagaan komuniti untuk berdikari.

Oleh yang demikian, YPKDT dapat mengenal pasti keberkesanan program sama ada objektif peningkatan ekonomi penerima manfaat tercapai ataupun tidak melalui aktiviti pemantauan seterusnya dapat mewujudkan persaingan sihat antara komuniti dengan memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada komuniti yang aktif dalam meneruskan aktiviti peningkatan ekonomi.

### 6.3 **Mempertingkatkan usaha mempromosi perkhidmatan YPKDT.**

YPKDT telah berusaha dengan sebaik yang mungkin dalam melaksanakan dan menambah nilai aktiviti promosi perkhidmatan dan produk YPKDT secara berkesan melalui siaran promosi di media sosial dan media elektronik. Pada tahun 2022, telah menunjukkan impak positif dan peningkatan inisiatif bantuan kepada masyarakat umum.

Namun, tahap aktiviti promosi yang telah dilaksanakan masih rendah dan kurang berkesan, inisiatif promosi tidak menyeluruh dan berstruktur serta bersifat *piecemeal* bagi keseluruhan inisiatif. Ini dapat dibuktikan apabila



masih ramai masyarakat di luar tidak mengenali YPKDT sebagai penganjur apabila ditanya dalam sesi temubual.

Sehubungan dengan itu, adalah dicadangkan agar nama YPKDT dihighlightkan dalam stiker bekas makanan dan juga bunting agar masyarakat umum menyedari tentang kewujudan fungsi dan perkhidmatan di YPKDT.

**6.4 Menjalinkan Kerjasama yang baik dengan syarikat korporat sebagai inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi menggalakkan amalan membantu usaha kerajaan dalam meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat setempat.**

Program CSR merupakan satu manifestasi atau terjemahan komitmen tanggungjawab sosial sesebuah organisasi terhadap masyarakat. Komitmen CSR diusahakan khusus bagi meningkatkan ekonomi dan kualiti hidup semua pihak, terutamanya pekerja dan keluarga dalam sesebuah organisasi, komuniti mahupun manfaat terhadap persekitaran.

CSR adalah program kerjasama strategik antara agensi kerajaan dan sektor korporat untuk membantu Jabatan dalam pelaksanaan program kepada kumpulan sasaran selaras dengan konsep "Kebajikan Tanggungjawab Bersama". Sehubungan dengan itu, Program Komuniti Di hati adalah sangat sesuai bagi syarikat korporat memupuk budaya "Komuniti untuk Komuniti" melalui *social empowerment* dengan menggalakkan sektor korporat untuk terus melaksanakan tanggungjawab sosial kepada masyarakat dan pembangunan sosial di Negeri Johor setelah pilot projek telah berjaya dilaksanakan dan mendapat permintaan untuk diteruskan pada masa depan.

**6.5 Memperluaskan program Komuniti Dihati kepada daerah- daerah lain di seluruh Negeri Johor.**

Pelbagai manfaat diterima oleh komuniti menerusi program ini. Selain daripada menjana pendapatan, masyarakat dalam komuniti dapat mengukuhkan ukhuwah melalui program gotong royong (rewang) yang melibatkan penyediaan bahan masakan, kerja- kerja sukarelawan menghantar pek makanan dari rumah ke rumah serta penglibatan pelbagai pihak terutamanya Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dalam komuniti.

Sehubungan dengan itu, adalah dicadangkan agar Program Komuniti Dihati diperluaskan ke seluruh daerah di Johor dengan melakukan beberapa inovasi dan diperhalusi pelaksanaannya agar bantuan ini akan menjadi pelengkap salah satu daripada bantuan kebajikan kerajaan negeri yang berbeza daripada negeri lain untuk kesejahteraan rakyat di negeri Johor.



**6.6 Mewujudkan perkongsian bijak melalui penglibatan aktif bersama agensi- agensi kerajaan ke arah memenuhi agenda prihatin rakyat.**

Selaras dengan komitmen Kerajaan untuk meneruskan agenda prihatin rakyat, kerjasama pelbagai agensi merupakan satu pendekatan yang terbaik dalam menyalurkan bantuan kepada rakyat apabila setiap agensi dapat memainkan peranan masing- masing berdasarkan perkhidmatan yang disediakan.

Setiap agensi di bawah JPWKM Negeri Johor mempunyai aset dan kekuatan masing masing yang seharusnya boleh dikongsi bersama. Sebagai contoh, terdapat kemungkinan sesebuah agensi akan memberikan sumbangan atau bantuan berdasarkan data atau maklumat yang dimiliki oleh mereka sahaja dengan bekerja sendirian, tetapi jika berkongsi maklumat dan kepakaran, sumbangan yang diberikan boleh disampaikan pada golongan sasaran yang lebih luas.

**6.7 Menyediakan geran/ peruntukkan kepada NGO bagi mengendalikan program dalam komuniti sebagai usaha menggalakkan penglibatan masyarakat ke arah pembangunan sukarelawan.**

Sebagai salah satu agensi di bawah Kerajaan Negeri, YPKDT boleh menyediakan saluran peruntukan khas kepada badan bukan kerajaan (NGO) yang aktif di negeri ini bagi menggalakkan penyertaan dan penglibatan NGO dalam program khidmat kebajikan dan bertindak sebagai rakan kongsi dalam menyalurkan perkhidmatan kebajikan oleh pihak kerajaan kepada masyarakat yang memerlukan.

Ini kerana NGO antara badan yang ke hadapan dalam membantu masyarakat terutama ketika berlaku bencana serta dapat mengenalpasti masyarakat yang memerlukan bantuan dengan memberi sumbangan dalam kadar yang cepat. Peranan NGO sebenarnya adalah sebagai tulang belakang kepada kerajaan kerana tidak terlibat dengan mana-mana parti politik mahupun kerajaan.

Selain dapat memperkasakan NGO di Johor, YPKDT juga dapat meneruskan program ini dan memperluaskan bantuan dengan mempelbagaikan aktiviti di komuniti seperti kursus- kursus kemahiran dan menyantuni masyarakat dengan pelbagai jenis bantuan melalui peranan yang di mainkan oleh pihak NGO dengan melakukan kerjasama syarikat korporat dalam memperluaskan inisiatif mereka terhadap masyarakat.

## **6.8 Melaksanakan perancangan bantuan makanan di bulan Ramadhan.**

Bulan Ramadhan menyeru umat Islam untuk mengambil kesempatan sebagai masa terbaik untuk menggandakan ibadat sekaligus mengutip ganjaran pahala. Selain menunaikan ibadat puasa, menderma atau bersedekah merupakan salah satu amalan yang memberi keuntungan besar kepada mereka yang melakukannya pada bulan yang mulia ini.

Konsep Program Komuniti Di Hati yang menyediakan bantuan makanan merupakan salah satu platform untuk menyalurkan bantuan berbentuk pek makanan kepada komuniti bagi membantu mengurangkan bebanan yang dihadapi di dalam bulan Ramadan. Bantuan diperluaskan kepada semua golongan termasuklah keluarga miskin bandar yang masih bergelut demi memenuhi keperluan keluarga.

Selain daripada menyediakan juadah masakan, pek makanan juga boleh dipelbagaikan inisiatif seperti bantuan asas makanan kering iaitu beras, minyak masak, gula, tepung, mi segera dan lain-lain bagi menampung keperluan asas anggaran 5 hingga 7 orang ahli keluarga dalam tempoh 2 hingga 3 minggu (bergantung kepada penggunaan dan keperluan keluarga) yang terdiri daripada penerima manfaat keluarga B40 yang kurang berkemampuan termasuklah golongan miskin di kawasan bandar dan luar bandar.

## 7.0 RUMUSAN


Secara keseluruhannya, program bantuan makanan dilihat sebagai mekanisme penting dalam membantu masyarakat mendapatkan bekalan makanan yang tidak mampu mereka perolehi. Melalui peranan bantuan makanan, ia ternyata mampu membantu meningkatkan sekuriti makanan khususnya kepada golongan kurang berkemampuan. Terdapat laporan yang berdasarkan kepada temubual mendapati bantuan makanan ini boleh meningkatkan sekuriti makanan (lauk tambahan) berbanding isi rumah yang tidak mendapat bantuan tersebut. Oleh kerana program penyediaan makanan adalah bertujuan untuk membantu meningkatkan pendapatan, namun objektif ini tidak tercapai kerana rata-rata penerima bantuan berpendapat wang yang ada digunakan untuk membeli keperluan yang lain pula. Namun, penerima bantuan makanan dijangka dapat makanan yang lebih selamat dan mencukupi setelah mendapat bantuan daripada program KDH berbanding sebelum ini.



LAPORAN BERGAMBAR AKTIVITI TEMUBUAL BAGI PROGRAM KOMUNITI DI HATI




Disediakan oleh:



.....  
**(ROZALINA BINTI OMAR)**  
Ketua Unit Kajian Dan Penyelidikan,  
Yayasan Pembangunan Keluarga  
Darul Ta'zim

Disemak oleh:



.....  
**(ROZZALIANA BINTI MISRON)**  
Ketua Bahagian Dasar & Penyelidikan,  
Yayasan Pembangunan Keluarga  
Darul Ta'zim

Di sahkan oleh:



.....  
**(NOOR FAEZAH BINTI MD ESA)**  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
Yayasan Pembangunan Keluarga  
Darul Ta'zim